

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.00/10.12/2 Jld. 11 (36)

28 Julai 2020
7 Zulhijjah 1441

PEKELILING AKADEMIK BIL. 10/2020 JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

PANDUAN PELAJAR PULANG KE KAMPUS DAN PENETAPAN KAEDAH PEMBELAJARAN SEMESTER III SESI 2019/2020 DAN SEMESTER 1 SESI 2020/2021

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelajar dan pihak Fakulti/Sekolah berkenaan proses kemasukan ke kampus dan penetapan kaedah pembelajaran bagi Semester III Sesi 2019/2020 dan Semester 1 Sesi 2020/2021.

2. Melalui surat pemakluman dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 16 Julai 2020, terdapat empat (4) penambahan kategori pelajar yang dibenarkan masuk ke kampus:-

- i) Pelajar tempatan di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) sebanyak tiga puluh peratus (30%) seperti yang dimohon oleh Persatuan Kolej dan Universiti Swasta.
- ii) Pelajar Tahun Satu (1), Dua (2), Tiga (3) dan Empat (4) Universiti Awam dalam bidang pengajian yang memerlukan latihan klinikal, latihan amal, praktikal, bengkel, makmal, studio atau peralatan khusus, serta mereka yang perlu menduduki peperiksaan badan profesional.
- iii) Pelajar Tahun Satu (1), Dua (2), Tiga (3) dan Empat (4) Universiti Awam yang tidak mempunyai akses internet atau persekitaran kondusif, seperti ruang yang sempit atau keadaan yang tidak selesa bagi melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian.
- iv) Pelajar antarabangsa dari kedua-dua Universiti Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta termasuklah pelajar baharu.

3. Pihak Universiti dengan ini bersetuju bahawa pelajar dibenarkan masuk ke kampus mulai 27 Julai 2020 dengan mengikuti semua panduan yang telah digariskan dalam Panduan Pengendalian Aktiviti Akademik Serta Aktiviti Penyelidikan Di Kampus Semasa dan Selepas Tempoh Kawalan Pergerakan Semasa Pandemik Covid-19 berkuatkuasa 7 Jun 2020 dan mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan. Pelajar boleh memohon untuk masuk ke kampus dengan menggunakan aplikasi UTMSmart dengan membuat pengisytiharan kesihatan terlebih dahulu.

4. Bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP), pihak universiti menetapkan terdapat tiga kaedah penyampaian yang boleh dilaksanakan oleh pihak fakulti/sekolah bergantung kepada kesesuaian sesuatu program dan kursus. Pensyarah boleh mencadangkan kaedah penyampaian yang akan dilaksanakan bagi kursus masing-masing berpandukan tiga kaedah dinyatakan di bawah. Bagaimanapun, cadangan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan fakulti dan fakulti juga berhak untuk mengarahkan pensyarah melaksanakan kaedah penyampaian yang berbeza sebagaimana perlu, bagi memastikan keberkesanan dalam penyampaian serta mengambil kira keperluan mematuhi SOP penjarakan sosial. Tiga kaedah tersebut adalah:-

a. Pembelajaran Bersemuka Sepenuhnya

- i) Program-program yang melibatkan kursus-kursus yang memerlukan aktiviti bersemuka secara 100% pada semester yang berkaitan. Contohnya Latihan Industri serta kursus-kursus yang melibatkan makmal atau aktiviti praktikal termasuk studio yang tidak dapat, atau sukar diganti dengan aktiviti dalam talian pada semester berkaitan.
- ii) Fakulti perlu memastikan semua pelajar mendapat akses kepada penggunaan makmal. Penggunaan makmal perlu dijadualkan semula untuk memastikan SOP penjarakan sosial dilaksanakan tanpa kompromi. Pelajar yang terlibat, termasuk pelajar antarabangsa perlu dipastikan supaya dapat hadir di UTM untuk mengikuti kursus berkenaan. Sekiranya pelajar tidak dapat hadir di UTM, pelajar perlu dinasihatkan untuk tidak mendaftar kursus berkenaan dan berhak untuk menangguhkan pengajian atas alasan bencana. Penangguhan pengajian atas alasan bencana tidak akan dikira dalam tempoh pengajian.
- iii) Bagi pelajar yang tidak dapat hadir secara fizikal, penasihat akademik memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar dalam membuat rancangan pembelajaran pelajar.

b. Pembelajaran Teradun (Blended Learning)

- i) Program-program dengan kursus-kursus yang dilaksanakan sebahagiannya secara dalam talian, dan sebahagian lagi secara bersemuka (F2F). Contohnya, program yang pada semester berkenaan melibatkan kursus Service Learning (Akademik atau Ko-kurikulum).
- ii) Pelajar boleh berada di UTM, dan bagi yang belum bersedia untuk pulang ke kampus, boleh memilih untuk tidak pulang ke UTM semasa aktiviti PdP dilaksanakan secara dalam talian.
- iii) Maklumat kursus juga perlu menyatakan dengan jelas tentang waktu pelajar perlu berada di UTM bagi menjalankan aktiviti PdP secara bersemuka. Cadangan waktu yang paling munasabah untuk dilaksanakan aktiviti PdP secara bersemuka adalah di penghujung semester.

- c. Pembelajaran Dalam Talian Sepenuhnya
- i) Pelaksanaan ini terpakai kepada program dengan kursus-kursus yang tidak melibatkan keperluan menjalankan aktiviti PdP secara bersemuka. Sebagai contoh, program dari aliran sains sosial dan program pasca siswazah boleh dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya.
 - ii) Walau pun proses pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian, pelajar boleh memilih untuk berada di UTM atau di kediaman masing-masing, dengan syarat pelajar mempunyai akses kepada internet dan persekitaran yang baik.
 - iii) Pilihan ini juga disarankan bagi program yang mempunyai bilangan pelajar antarabangsa yang tinggi yang berkemungkinan menghadapi masalah untuk kembali ke Malaysia.

Jika tidak ada keperluan untuk menjalankan aktiviti PdP secara bersemuka (F2F) bagi sesuatu kursus, maka kursus berkenaan dibenarkan untuk dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian sehingga Disember 2020.

5. Pemakluman berkenaan dengan mod pelaksanaan bagi setiap kursus akan dimaklumkan kepada pelajar menerusi portal myUTM selewat-lewatnya dua minggu sebelum semester 1 2020/2021 bermula.


6. Semua staf dan pelajar diminta merujuk kepada pekeliling ini dan juga panduan yang telah dikeluarkan pada 7 Jun 2020 bagi memastikan operasi PdP serta aktiviti penyelidikan Universiti dapat diteruskan dengan sebaik mungkin tanpa menimbulkan risiko kepada mana-mana pihak. Semua staf dan pelajar juga perlu merujuk kepada surat pemakluman yang dikeluarkan oleh KPT bertarikh 16 Julai 2020. Pekeliling ini boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di <https://www.utm.my/office-dvcai/pekeliling-akademik/>.

7. Semua staf dan pelajar UTM diminta untuk terus membudayakan corak kehidupan mengikut norma baharu. Prosedur Operasi Standard (SOP) penjarakan sosial dan kepentingan menjaga kebersihan perlu terus dijadikan amalan sehingga rantaian Covid-19 dapat diputuskan sepenuhnya di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. IR. TS. DR. ZAINUDDIN BIN ABD. MANAN)

Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

- sk
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pendaftar
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.00/10.12/2 Jld. 11 (36)

28th July 2020

ACADEMIC CIRCULAR NO. 10/2020 DEPARTMENT OF DEPUTY VICE-CHANCELLOR (ACADEMIC & INTERNATIONAL)

GUIDELINES FOR STUDENTS RETURNING TO CAMPUS AND DETERMINING LEARNING METHOD FOR SEMESTER III SESSION 2019/2020 AND SEMESTER I SESSION 2020/2021

This circular aims to inform students, Faculties/Schools on the standard operating procedure (SOP) for students return to campus, and implementation of teaching and learning (TnL) for Semester III Session 2019/2020 and Semester I Session 2020/2021.

2. The Ministry of Higher Education (MoHE) through the circular issued on 6th July 2020, has agreed to allow four (4) additional categories of students to return to campus :-

- i) Local Malaysian students at private higher education institutions amounting to thirty per cent (30%) as applied by the Malaysian Association of Private Colleges and Universities.
- ii) Public university students from year one (1) to year four (4) in fields of studies that require clinical training, practical training, workshop, laboratory, studio or specific equipment and those that have to sit for professional body examinations.
- iii) Public university students from year one (1) to year four (4) who have no internet access or lack conducive environment such as narrow space or uncomfortable circumstances to carry out online learning.
- iv) International students for both public universities and private higher education institutions, including new students

3. Starting from 27th July 2020, students of Universiti Teknologi Malaysia (UTM) are allowed to return to campus by closely adhering to the Guidelines for Conducting Academic and Research Activities on Campus During and Post Movement Control Order Period of the Covid-19 Pandemic issued on 7 June 2020, and the SOP provided by the authorities. Students may apply to enter UTM campus via UTMSmart application after providing health declaration.

4. For Teaching and Learning (TnL) activities, UTM recommends faculties / schools to implement three delivery methods depending on the program and course requirements. Lecturers can suggest any of the delivery methods listed below to be implemented for each course subject to faculty's approval. The faculty also reserves the right to instruct lecturers to implement different delivery methods as necessary to ensure effectiveness of delivery, and considering the need to comply with social distancing. The three (3) delivery modes are:-

a. Full Face-to-face Learning

- i. Programmes with courses that require 100% face-to-face activity in the related semester. For instance, programs that include Industrial Training or practical lab works and studio activities that could not be replaced by online activities.
- ii. The Faculty needs to ensure that all students have access to lab. Rescheduling of the lab maybe necessary so that safety measures as well as social distancing SOP are fully adhered to. The faculty must also ensure that all students including international students will be able to return to campus. Students who are not able to return to campus should be advised not to register for the semester, and have the right to defer their studies for the reason of disaster. The semester in which a student had to defer studies for reason of disaster shall not be counted as part of the study period.
- iii. Students who are unable to attend physically, the academic advisors play an important role in assisting students in arranging the study plans.

b. Blended Learning

- i. This include programmes with courses that involve both online learning and face-to-face (F2F) courses and activities. For example, semesters which involve co-curricular or service learning courses.
- ii. For these types of courses, students are allowed to be on campus to follow lectures delivered online. Students who are not yet able to return to UTM can follow lecture online from home, provided that they have conducive study environment and good access to internet.
- iii. Lecture planning should also consider the timing for students' return to campus in to join F2F activities. It is recommended F2F T&L activities be done towards the end of the semester.

c. Full Online Learning

- i. Programmes which involve lectures only. These can be executed fully online or with some parts of it done face-to-face (F2F). For example, programs from social science streams and postgraduate programs can be implemented entirely online.
- ii. Although the learning process is implemented online, Students can choose to be in UTM or in their respective homes, provided that they have conducive environment and good internet access.

- iii. This option is also recommended for programs with a high number of international students who are likely to face problems to return to Malaysia.
- iv. If face-to-face (F2F) lectures are not necessary, and if courses can be carried out entirely online throughout the semester until the end of December 2020, fully online T&L is allowed.

5. Notification on the implementation mode for each course will be made to students through the myUTM portal two weeks before the beginning of semester 1 2020/2021.

6. All staff and students are advised to refer to this circular and guidelines issued on 7 June 2020 to ensure the smooth and safe running of T&L and research activities. All staff and students must also refer to the circular issued by MOHE dated 16 July 2020. This circular can be downloaded via the Department of Deputy Vice Chancellor (Academic and International) website <https://www.utm.my/office-dvcai/pekeliling-akademik/>.

7. All UTM staff and students are required to further adapt to the new norm accordingly. Standard Operating Procedures (SOP) for social distancing and cleanliness awareness should not be disregarded until we manage to break the Covid-19 chain for good in Malaysia.

That's all. Thank you.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

“I, who uphold trust”



(PROF. IR. TS. DR. ZAINUDDIN BIN ABD. MANAN)
Acting Deputy Vice Chancellor (Academic & International)

- cc
- Vice Chancellor
 - Deputy Vice Chancellor (Development)
 - Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation)
 - Deputy Vice Chancellor (Student's Affairs)
 - Registrar
 - Pro-Vice Chancellor (UTM Kuala Lumpur)
 - Director Research Centre - UTM Pagoh
 - Senior Officers / Deans / Directors